

Belum masanya kita iktiraf tiga Republik Slav – PM

KLIALA LUMPUR 10 Dis.
— Malaysia akan mengadakan hubungan dengan semua republik bekas anggota Soviet Union, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun beliau berkata, buat masa ini Malaysia tidak perlu mengiktiraf republik-republik berkenaan.

"Perkara yang penting sekarang bukan soal pemisahan tetapi soal pemulihan ekonomi republik-republik yang terlibat," katanya kepada para pemberita setelah melepaskan Larian Sokongan Sukan Kommanwel di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan yang menyatakan tiga Republik Slav yang kukuh - Rusia, Ukraine dan Byelorussia mengisytiharkan tindakan keluar daripada Soviet Union.

Serentak dengan pemisahan itu, ketiga-tiga republik terse-

but menubuhkan sebuah kommanwel dan dilaporkan hari ini, pengisytiharan para pemimpin tiga republik itu menjadikan Mikhail Gorbachev sebagai pemimpin negara yang tidak wujud an sekaligus menamatkan riwayat Soviet Union yang diasaskan oleh Lenin pada 1922.

Dalam perkembangan lam hari ini juga dilaporkan juruakap Mikhail Gorbachev berkata, Presiden itu tidak berhasrat untuk meletakkan jawatan.

Menurut Perdana Menteri, tidak dapat tidak pemisahan tersebut akan berlaku tetapi masalahnya ialah setakat mana ia berlaku.

"Jangan pula ada pasukan-pasukan kecil hendak juga kemerdekaan dan ini akan menyebabkan rusuhan berlaku dan perkara yang penting sekarang bukan soal pemisahan tetapi soal pemulihan ekonomi," ujar beliau.

Beliau berkata, dikhuatiri

kalau ekonomi Soviet Union tidak dipulihkan semula akan timbul kegelisahan terutama di kalangan bekas-bekas tentera yang kini tidak bekerja dan tidak mendapat saaraan.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, di samping perkara-perkara yang mungkin timbul itu juga dibimbangi ia mungkin akan mencetuskan keganasan.

Ditanya mengenai pertemuannya dengan Menteri Industri, Teknologi dan Perusahaan Australia, Encik John Button di pejabatnya tengah hari ini, Perdana Menteri berkata, Australia ingin mengadakan hubungan yang baik dengan negara ini terutamanya dalam bidang perdagangan.

Katanya, Malaysia bersetuju untuk mengadakan hubungan baik tersebut kerana negara ini tidak mempunyai masalah dengan kerajaan Australia sekarang.

"Kerajaan (Australia) sekarang mempunyai pendirian yang berbeza dengan pendirian akhbar-akhbar dan ini yang kita mahu. Kita tahu memang akhbar mereka macam itu, jadi kita tidak ambil pusing tentang akhbar mereka," tambah beliau.

Mengenai Sistem Saraan Baru (SSB), Dato' Sri Dr. Mahathir' berkata, tidak ada apa-apa perubahan yang dibuat dan perkara-perkara terperinci telah diputuskan oleh iawatan-kuasa kajian gaji yang memasuki peringkat terakhir.

"Tidak ada apa-apa perubahan, ia adalah seperti yang kita umumkan November lalu," katanya.

Beliau yang mempengerusikan mesyuarat itu semalam berkata, semua perkara mengenai SSB telahpun diputuskan dan dipersetujui tetapi beliau enggan mengulas lanjut berhubung dengan perkara itu.